

Penerima anugerah yang dirai bersama Dato' Noraini Ahmad dan Iza Dura Abdul Manan.

Anugerah Seri Budiman jadi perhatian

Oleh: NOR ELLINA ABD. RAZAK

Foto: Ahmad Fua'ad Alwi

BANGI (1 April) - "Malam Seri Budiman diadakan saban tahun untuk menghargai mahasiswa tahun akhir, kali ini kita meraikan mahasiswa tahun akhir sesi 2005/06 dan juga sebagai landasan untuk memberikan penghargaan kepada mahasiswa yang telah berjaya mengharumkan nama Kolej Kesebelas melalui pelbagai aktiviti yang disertai sama ada di peringkat kolej mahu pun di peringkat universiti," ucap Iza Dura Abdul Manan, Pengetua, Kolej Kesebelas, UPM.

Malam Seri Budiman Ke-7 2005/2006, anjuran Kolej Kesebelas Universiti Putra Malaysia, bertemakan 'Unggul Intelek Teras Kecemerlangan', berlangsung di Hotel Equatorial, Bangi, Selangor.

Kemeriahan majlis ini bertambah dengan kehadiran Dato' Noraini Ahmad, Penasihat Yayasan Hikmah Insan.


"Ingatlah, cabaran dunia pasca-kampus lebih getir. Tiada yang dapat membantu diri kita untuk terus bergerak maju melaiikan ilmu, pengetahuan dan keupayaan diri sendiri. Gunakanlah setiap inci pengetahuan dan pengalaman yang

ditimba semasa di universiti sebagai perisai menghadapi cabaran di luar sana", kata Dato' Noraini Ahmad.

Anugerah Seri Budiman (Anugerah Tertinggi Peringkat Pelajar), Siri Amni bt. Ismail, Anugerah Tun Fatimah (Kepimpinan) menjadi milik Hew Kah Mei, Anugerah Tun Nyemah Mulia (Akademik) dimenangi Wan Nurhanani bt Wan Jusoh, Anugerah Putri Perkasa (Sukan) dirangkul Hamidah bt. Kahmis, Anugerah Tokoh Srikandi (Anugerah Khas), Prof. Datin. Dr. Khatijah bt. Mohd Yusoff.



Kehadiran yang disambut meriah.



Prof. Datin Dr. Khatijah Mohd Yusuf turut menerima Anugerah.